

SAHUR WARGA KAMPUS



PROGRAM Ziarah Sahur Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2015 diadakan di lima IPT di Negeri Sembilan iaitu di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Seremban 3, Politeknik Port Dickson, Kolej Uniti dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pedas, Rembau, baru-baru ini.

Program yang dirasmikan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan itu adalah anjuran akhbar *Utusan Malaysia* bersama Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan

Pertubuhan Mahasiswa Negeri Sembilan (Manis).

Sempena program itu, lebih 80 peserta konvoi melibatkan pelbagai agensi dan pasukan sokongan mengedarkan 1,500 pek makanan dan bersahur bersama warga kampus.

■ **SEBAHAGIAN** pelajar bersahur bersama pada Program Ziarah Sahur IPT 2015 di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, baru-baru ini.